

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 26 Jun 2024



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI STATISTIK SUBNASIONAL PARLIMEN DAN DUN 2024

#### LIMA PARLIMEN DI SARAWAK MEREKODKAN KEPADATAN PENDUDUK YANG RENDAH, KURANG DARIPADA 10 PENDUDUK PER KILOMETER PERSEGI

**PUTRAJAYA, 26 Jun 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Statistik Subnasional Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) 2024** pada hari ini. Penerbitan ini merupakan edisi ketiga dengan perincian geografi yang lebih bersasar iaitu peringkat Parlimen dan DUN. Berdasarkan anggaran penduduk semasa tahun 2023, tiga daripada 222 parlimen di Selangor mencatatkan jumlah penduduk yang tertinggi iaitu P.102 Bangi dengan jumlah penduduk seramai 708.3 ribu orang, diikuti oleh P.111 Kota Raja dan P.104 Subang masing-masing seramai 538.9 ribu orang dan 492.6 ribu orang. Sebanyak 20 parlimen mencatatkan jumlah penduduk yang melebihi 300 ribu orang manakala hanya tiga (3) parlimen di Sarawak yang merekodkan jumlah penduduk kurang daripada 30 ribu orang iaitu P.210 Kanowit dengan jumlah penduduk seramai 25.3 ribu orang, diikuti oleh P.203 Lubok Antu dan P.207 Igan masing-masing seramai 27.4 ribu orang dan 28.0 ribu orang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, P.116 Wangsa Maju di W.P. Kuala Lumpur merupakan parlimen yang merekodkan kepadatan penduduk tertinggi, iaitu seramai 13,587 orang bagi setiap kilometer persegi. P.100 Pandan di Selangor berada di kedudukan kedua dengan kepadatan 11,713 orang per kilometer persegi, manakala P.050 Jelutong di Pulau Pinang menduduki tempat ketiga dengan kepadatan 11,576 orang setiap kilometer persegi. Sebaliknya, lima parlimen di Sarawak mencatatkan kepadatan penduduk yang rendah (kurang daripada 10 penduduk per kilometer persegi) iaitu

P.216 Hulu Rajang dengan satu (1) penduduk per kilometer persegi, P.220 Baram dengan tiga (3) penduduk per kilometer persegi, P.214 Selangau dengan enam (6) penduduk per kilometer persegi, P.215 Kapit dengan tujuh (7) penduduk per kilometer persegi dan P.203 Lubok Antu dengan lapan (8) penduduk per kilometer persegi.

Berdasarkan komposisi demografi penduduk Malaysia pada tahun 2023, penumpuan utama bagi kumpulan etnik Bumiputera dapat dilihat di negeri-negeri pantai timur iaitu P.034 Setiu, Bumiputera merekodkan 125.4 ribu orang diikuti P.038 Hulu Terengganu dengan 91.1 ribu orang dan P.030 Jeli dengan 79.0 ribu orang. Sementara itu, kumpulan etnik Cina tertinggi direkodkan di P.114 Kepong dengan 72.2 peratus (64.0 ribu orang), diikuti oleh P.049 Tanjong di Pulau Pinang dengan 69.9 peratus (17.4 ribu orang) dan P.048 Bukit Bendera dengan 68.8 peratus (75.9 ribu orang). Parlimen P.065 Ipoh Barat mencatatkan peratusan etnik India tertinggi sebanyak 26.0 peratus (33.5 ribu orang), diikuti oleh P.075 Bagan Datuk sebanyak 23.6 peratus (16.6 ribu orang) dan P.062 Sungai Siput sebanyak 22.3 peratus (19.0 ribu orang).

Parlimen P.115 Batu mendominasi jumlah tertinggi penduduk umur bekerja iaitu antara 15 hingga 64 tahun seramai 177.2 ribu orang. Ini diikuti oleh P.046 Batu Kawan dengan 132.3 ribu orang dan P.019 Kepong dengan 83.7 ribu orang. Tiga parlimen di Selangor mencatatkan jumlah tertinggi penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas (umur tua) iaitu P.092 Sabak Bernam (11.2 ribu orang), P.093 Sungai Besar (11.9 ribu orang), dan P.095 Tanjong Karang (11.2 ribu orang). Jumlah penduduk dalam kumpulan umur muda 0 hingga 14 tahun tertinggi direkodkan di beberapa kawasan Parlimen, termasuk P.125 Putrajaya seramai 43.0 ribu orang, P.032 Gua Musang dengan 40.8 ribu orang dan P.109 Tumpat sebanyak 61.0 ribu orang. Sebaliknya, kumpulan umur muda 0 hingga 14 tahun yang terendah direkodkan di P.049 Tanjong seramai 3.8 ribu orang, P.203 Lubok Antu dengan 4.7 ribu orang dan P.210 Kanowit dengan 5.5 ribu orang.

Berdasarkan statistik terkini, parlimen di Selangor kekal merekodkan bilangan syarikat perniagaan tertinggi pada tahun 2024 sebagaimana pada tahun 2023. Tiga parlimen di Selangor yang mencatatkan bilangan pertubuhan perniagaan tertinggi iaitu P.104 Subang dengan 28,649 pertubuhan/syarikat perniagaan, diikuti oleh P.105 Petaling Jaya dan P.106 Damansara masing-masing dengan 28,098 dan 26,538 pertubuhan/syarikat perniagaan.

Dalam konteks infrastruktur pendidikan dan kesihatan di Malaysia, parlimen P.220 Baram di Sarawak mencatatkan jumlah tertinggi bagi bilangan sekolah dan fasiliti. Parlimen ini memiliki 86 buah sekolah, termasuk 77 sekolah rendah dan 9 sekolah menengah, serta 22 buah klinik kesihatan.

Selain itu, dari aspek fasiliti kemudahan asas, kepelbagaian infrastruktur yang tersedia seperti stesen minyak, kedai dobi, kedai runcit, farmasi dan restoran dapat dilihat di beberapa parlimen utama. Di antaranya, P.161 Pulai memiliki jumlah stesen minyak terbanyak dengan 71 buah, P.102 Bangi dengan 66 kedai dobi, P.188 Lahad Datu dengan 618 kedai runcit, P.105 Petaling Jaya mencatatkan 232 farmasi dan P.104 Subang mencatatkan 140 buah restoran.

Pelbagai statistik terpilih di peringkat Parlimen dan DUN yang terdiri daripada maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan isi rumah; pendidikan; kesihatan; kemiskinan; keselamatan awam; internet & media sosial, kemudahan asas dan bilangan pertubuhan dan syarikat perniagaan boleh dirujuk dalam penerbitan Statistik Subnasional Parlimen dan DUN 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Paparan 1: Infografik Statistik Subnasional Parlimen dan DUN 2024



# STATISTIK KEDUDUKAN TERATAS PARLIMEN : MALAYSIA

**JUMLAH PENDUDUK 2023<sup>P</sup>**

Bilangan ('000)

P.102	Bangi	708.3
P.111	Kota Raja	538.9
P.104	Subang	492.6

**KEPADATAN PENDUDUK 2023<sup>P</sup>**

Bilangan/Km<sup>2</sup>

P.116	Wangsa Maju	13,587
P.100	Pandan	11,713
P.050	Jelutong	11,576

**LUAS KAWASAN 2023**

Km<sup>2</sup>

P.216	Hulu Rajang	34,080
P.220	Baram	22,075
P.187	Kinabatangan	18,068

Sumber : Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

## KOMPOSISI PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK 2023<sup>P</sup>

BUMIPUTERA (%)	CINA (%)	INDIA (%)	LAIN-LAIN (%)
P.034 Setiu <b>99.6</b>	P.114 Kepong <b>72.2</b>	P.065 Ipoh Barat <b>26.0</b>	P.007 Padang Terap <b>7.3</b>
P.038 Hulu Terengganu <b>99.5</b>	P.049 Tanjung <b>69.9</b>	P.075 Bagan Datuk <b>23.6</b>	P.011 Pendang <b>5.7</b>
P.030 Jeli <b>99.5</b>	P.048 Bukit Bendera <b>68.8</b>	P.062 Sungai Siput <b>22.3</b>	P.190 Tawau <b>4.9</b>

## KOMPOSISI PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR UTAMA 2023<sup>P</sup>

**0 - 14 (UMUR MUDA)**

(%)

P.125	Putrajaya	36.1
P.032	Gua Musang	35.0
P.019	Tumpat	32.7

**15 - 64 (UMUR BEKERJA)**

(%)

P.115	Batu	80.2
P.046	Batu Kawan	79.0
P.114	Kepong	78.2

**65+ (UMUR TUA)**

(%)

P.092	Sabak Bernam	22.6
P.093	Sungai Besar	19.6
P.095	Tanjong Karang	18.3

**PERTUBUHAN/SYARIKAT PERNIAGAAN 2024**

Bilangan

P.104	Subang	28,649
P.105	Petaling Jaya	28,098
P.106	Damansara	26,538

**KESELAMATAN AWAM 2023**

Balai Bomba

P.040	Kemaman	5
P.113	Selang	4
P.085	Pekan	4

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

**PENDIDIKAN 2023**

	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
P.220 Baram	77	9
P.170 Tuaran	74	10
P.167 Kudat	71	13
P.179 Ranau	71	11

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia

**KESIHATAN 2023**

	Klinik kesihatan	Hospital
P.220 Baram	22	1
P.216 Hulu Rajang	14	0
P.213 Mukah	12	2
P.032 Gua Musang	12	1

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

## KEMUDAHAN ASAS 2024

STESEN MINYAK	KEDAI DOBI	KEDAI RUNCIT	FARMASI
P.161 Pulai <b>71</b>	P.102 Bangi <b>66</b>	P.188 Lahad Datu <b>618</b>	P.105 Petaling Jaya <b>232</b>
P.106 Damansara <b>64</b>	P.158 Tebrau <b>59</b>	P.019 Tumpat <b>508</b>	P.104 Subang <b>231</b>
P.108 Shah Alam <b>62</b>	P.106 Damansara <b>54</b>	P.198 Puncak Borneo <b>487</b>	P.120 Bukit Bintang <b>223</b>

Sumber : Statistik Subnasional Parlimen dan DUN 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JUN 2024**

*Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, 26 June 2024*



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**PRESS STATEMENT**  
**FOR SUBNATIONAL STATISTICS PARLIAMENT AND**  
**STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY (SLA) 2024**

---

**FIVE PARLIAMENTARY CONSTITUENCIES IN SARAWAK RECORDED**  
**LOW POPULATION DENSITY, FEWER THAN 10 PERSONS**  
**PER SQUARE KILOMETRE**

**PUTRAJAYA, 26<sup>th</sup> June 2024** – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Subnational Statistics Parliament and State Legislative Assembly (SLA) 2024**. This is the third edition of the publication with more targeted geographical details, specifically at the parliament and SLA. According to the estimated population in 2023, three out of 222 parliamentary constituencies in Selangor recorded the highest populations namely P.102 Bangi with a total population of 708.3 thousand persons followed by P.111 Kota Raja and P.104 Subang with 538.9 thousand persons and 492.6 thousand persons respectively. A total of 20 parliamentary constituencies recorded populations exceeding 300 thousand persons while only three (3) parliaments in Sarawak registered populations below 30 thousand persons namely P.210 Kanowit with a total population of 25.3 thousand persons followed by P.203 Lubok Antu and P.207 Igan with 27.4 thousand persons and 28.0 thousand persons respectively.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, P.116 Wangsa Maju in W.P. Kuala Lumpur holds the status for the parliament with the highest population density with a total population of 13,587 persons per square kilometre. P.100 Pandan in Selangor is in second position with a density of 11,713 persons per square kilometre, while P.050 Jelutong in Penang is in third position with a density of 11,576 persons per square

kilometre. On the other hand, five parliaments in Sarawak recorded the lowest population density (fewer than 10 persons per square kilometre), namely P.216 Hulu Rajang with one (1) person per square kilometre, P.220 Baram with three (3) persons per square kilometre, P.214 Selangau with six (6) persons per square kilometre, P.215 Kapit with seven (7) persons per square kilometre and P.203 Lubok Antu with eight (8) persons per square kilometre.

Based on the demographic composition of Malaysia's population in 2023, a predominant concentration of Bumiputera ethnic groups is observed in the eastern coastal states namely P.034 Setiu, Bumiputera recorded 125.4 thousand persons, followed by P.038 Hulu Terengganu with 91.1 thousand persons and P.030 Jeli with 79.0 thousand persons. Meanwhile, the highest percentage of the Chinese ethnic group was recorded in the P.114 Kepong at 72.2 per cent (64.0 thousand persons), followed by P.049 Tanjung in Penang with 69.9 per cent (17.4 thousand persons) and P.048 Bukit Bendera with 68.8 per cent (75.9 thousand persons). The parliament of P.065 Ipoh Barat was recorded the highest percentage of the Indian ethnic group at 26.0 per cent (33.5 thousand persons), followed by P.075 Bagan Datuk at 23.6 per cent (16.6 thousand persons) and P.062 Sungai Siput at 22.3 per cent (19.0 thousand persons).

The parliament of P.115 Batu dominates with the highest working age population between 15 to 64 years old with 177.2 thousand persons. This is followed by the P.046 Batu Kawan with 132.3 thousand persons and the P.019 Kepong with 83.7 thousand persons. Three parliaments in Selangor recorded the highest total of population aged 65 years and over (old age), namely P.092 Sabak Bernam (11.2 thousand persons), P.093 Sungai Besar (11.9 thousand persons) and P.095 Tanjung Karang (11.2 thousand persons). The highest total population in the young age group of 0 to 14 years was recorded in several parliaments, including P.125 Putrajaya with 43.0 thousand persons, P.032 Gua Musang with 40.8 thousand persons, and P.109 Tumpat with 61.0 thousand persons. On the other hand, the lowest total of the population in the young age group of 0 to 14 years was recorded in P.049 Tanjung with 3.8 thousand persons, P.203 Lubok Antu with 4.7 thousand persons, and P.210 Kanowit with 5.5 thousand persons.

*Based on recent statistics, parliaments in Selangor continue to record the highest growth in the number of establishments/businesses in 2024 as in 2023. The three parliaments in Selangor that recorded the highest number of business establishments which are P.104 Subang with 28,649 establishments/businesses, followed by P.105 Petaling Jaya and P.106 Damansara with 28,098 and 26,538 establishments/businesses respectively.*

*In the context of educational and health infrastructure in Malaysia, the parliament of P.220 Baram in Sarawak recorded the highest number of schools and health facilities. This parliament has 86 schools, including 77 primary schools and 9 secondary schools as well as 22 health clinics.*

*Besides that, in terms of basic facilities and amenities, the diversity of available infrastructure such as petrol stations, laundry shops, provision stores, pharmacies and restaurants can be seen in several key parliaments. Among them, the P.161 Pulai has the highest number of petrol stations with 71, the P.102 Bangi has 66 laundry shops, the P.188 Lahad Datu has 618 provision stores, the P.105 Petaling Jaya recorded 232 pharmacies and the P.104 Subang recorded 140 restaurants.*


*Selected statistics at the parliament and SLA level covers statistics consisting of basic information; population; housing; employment; household income; education; health; poverty; public safety; internet & social media, basic amenities and number of establishments/ businesses, which can be referred to in the publication of Subnational Statistics of Parliament and SLA 2024.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*

**Exhibit 1: Infographic of Subnational Statistics Parliament and SLA, 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26 JUNE 2024**